

# Universiti mendakap normal baharu

PERSPEKTIF



DR WAHID OMAR  
DR MOHD BAKRI BAKAR

**U**niversiti awam telah memulakan penghantaran pulang mahasiswa yang berada di kampus ke kampung halaman masing-masing. Secara tidak langsung, prospektif kewujudan universiti awam secara maya tanpa kehadiran mahasiswa secara fizikal hampir menjadi realiti.

Potensi kewujudan universiti masa depan di mana mahasiswa mengikuti pembelajaran dalam talian secara separa atau sepenuhnya telah lama dibincangkan. Dalam konteks ini, pandemik Covid-19 telah memacu universiti untuk segera menjadikannya sebagai normal dan kelaziman baharu.

Dalam masa terdekat, universiti awam perlu melakukan penyesuaian bagi memastikan proses pembelajaran dan pengajaran dapat diteruskan. Pada masa sama, keprihatinan universiti terhadap kebijakan dan kesejahteraan mahasiswa perlu diteruskan dalam bentuk bantuan yang berbeza.

Malah, proses pendidikan perlu dipastikan berlaku secara terangkum dan tiada mahasiswa yang tercicir dalam proses pembelajaran. Justeru, universiti dikehendaki memberi perhatian terhadap akses dan kapasiti mahasiswa terhadap medium dalam talian dan bahan pembelajaran digital.

Selain penerapan pengetahuan dan kemahiran yang dibantu teknologi, nilai kemanusiaan dalam pendidikan perlu diutamakan. Dengan itu, pendidik universiti berperanan penting bagi memastikan agenda pembangunan insaniah mahasiswa yang holistik dan bersepadan dapat dijayakan dengan sebaiknya.

Sememangnya universiti bertanggungjawab dalam menjayakan agenda pendidikan dalam setiap keadaan. Semasa penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), setiap universiti awam telah berjaya menganjurkan pelbagai sesi seminar, kursus, latihan dan bengkel secara dalam talian melibatkan topik-topik keutamaan.

Menariknya sesi perkongsian ilmu tersebut boleh diakses merentas universiti dan turut terbuka kepada masyarakat awam. Inisiatif itu menepati peranan universiti sebagai institusi pendidikan dan penyebaran ilmu untuk manfaat semua pihak.

Harus diingat, universiti bukan sekadar mendepani cabaran normal baharu dalam proses pendidikan. Keseluruhan ekosistem dan tadbir urus universiti turut terkesan yang memerlukan rekayasa, cara bekerja baharu dan penilaian semula.



Bangunan kampus Universiti Teknologi Malaysia di kampus Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Impak Covid-19 menyebabkan semua universiti awam perlu berdepan dengan perubahan dan kelaziman baharu.

*Keseluruhan ekosistem dan tadbir urus universiti turut terkesan yang memerlukan rekayasa, cara bekerja baharu dan penilaian semula.”*

Untuk permulaan, universiti perlu meneruskan operasi dalam kampus dengan mengikut peraturan dan prosedur kesihatan serta keselamatan. Ini bermakna setiap warga universiti perlu mempunyai tanggungjawab kendiri bagi bersama menjaga kampus supaya kekal menjadi ‘zon hijau’ yang bebas Covid-19.

Kapasiti kerja dalam kampus juga perlu dimulakan secara berperingkat mengikut keutamaan. Atas cadangan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, keanjalan kerja dan proses kerja secara luar kampus perlu dipertimbangkan selagi mana produktiviti dan hasil kerja kekal terjaga.

Selain itu, persediaan universiti untuk membina kampus digital sepenuhnya perlu ditambah baik. Mengikut rekod, kebanyakan universiti awam termasuk Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah memulakan inisiatif kampus digital sejak beberapa tahun lepas.

Peruntukan khusus telah diberikan melibatkan peningkatan capaian internet, pengukuhan infrastruktur digital dan pelaksanaan operasi pintar seperti tanpa tunai. Bagaimanapun, impak Covid-19 memerlukan tindakan segera universiti terutamanya melibatkan pemerkasaan pembelajaran secara dalam talian serta capaian tele-mesyuarat dan tele-sidang.

Universiti awam juga perlu merangka

strategi bagi membolehkan terus berdaya tahan dalam normal baharu mende-pani cabaran kewangan. Aspirasi kemampunan kewangan universiti telah sedia dibangunkan sebagaimana dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan (Pendidikan Tinggi) Malaysia.

## Strategi

Di samping itu, universiti turut berpengalaman dalam usaha meningkatkan kemampunan kewangan berikutan pengurangan belanjawan kerajaan sebelum ini. Kini, inisiatif kewangan baharu perlu terus diteroka dalam menguruskan pembangunan dan operasi universiti.

Selain amalan pengurusan kewangan dan perbelanjaan berhemah, universiti awam perlu terus mempelbagaikan sumber penjanaan pendapatan seperti pemerkasaan sistem endowmen dan wakaf. Universiti juga perlu melakukan unjuran kembali prestasi keberhasilan kewangan melibatkan aset, hasil premis dan entiti perniagaan.

Dalam pada itu, UTM telah menda-ului usaha mewujudkan tabung endowmen keusahawanan bertujuan memperkasa kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Seterusnya, Covid-19 turut memberikan impak terhadap operasi penyelidikan universiti. Kekangan penyelidikan semasa menyebabkan penyelidik universiti perlu terus beradaptasi dan meneroka ruang kreatif bagi memanfaatkan peluang dan ruang penyelidikan baharu.

Krisis pandemik tetap memerlukan pelbagai input penyelesaian hasil dapatan kajian pelbagai bidang merangkumi sains, teknologi, kejuruteraan, sains sosial, kemanusiaan, perancangan pembangunan serta ekonomi. Tentunya universiti awam perlu terus menggiatkan usaha penyelidikan yang dapat merangsang pembangunan ilmu dan inovasi untuk

dimanfaatkan.

Universiti juga harus kekal menyumbang bersama dengan komuniti dan memegang taruh yang lain bagi mendepani cabaran semasa. Operasi penghantaran pulang mahasiswa memberikan contoh terbaik keperluan universiti bersinergi dengan pelbagai agensi bagi menjamin keselamatan semua pihak.

Lebih daripada itu, perkhidmatan universiti tetap diperlukan dalam membantu pemerkasaan kehidupan dan ke mandirian komuniti yang terkesan berikutan Covid-19. Kepakaran universiti perlu disalurkan dalam membina kembali kapasiti masyarakat dan meningkatkan kualiti kehidupan serta sosioekonomi mereka.

Secara keseluruhan, universiti perlu sentiasa terhadap dalam memenuhi tanggungjawab sebagaimana hasrat visi dan misi universiti. Perkara yang membezakan adalah strategi baharu dalam meneroka pelbagai laluan yang dirang sang oleh cabaran persekitaran semasa.

Bagi UTM, penekanan terhadap empat nilai teras iaitu integriti, sinergi, cemerlang dan lestari berupaya mengukuhkan kedudukannya dalam mendepani cabaran perubahan. Di samping itu, pembudayaan nilai keikhlasan, amanah, semangat pengorbanan dan perjuangan, kesatuan pemikiran dan tindakan, menjana hasil berimpak tinggi serta pengukuhan kerangka fikir dan tindakan masa hadapan harus menjadi keutamaan.

Walaupun universiti telah berjaya di transformasikan bagi mendepani cabaran semasa, kitaran perubahan akan terus berlaku dengan membawa bersamanya normal dan kelaziman baharu.

\* Profesor Datuk Ir Dr Wahid Omar ialah Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia manakala Dr Mohd Bakri Bakar ialah Penolong Dekan, Fakulti Sains Universiti Teknologi Malaysia